



**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SESI SEPTEMBER 2013 – JANUARI 2014**

**SENI LAGAK NGERI: SATU KAJIAN TERHADAP PROSEDUR KESELAMATAN
DAN KESIHATAN DI DALAM PRODUKSI NUANSA SDN BHD
DAN MIG PRODUCTION SDN BHD**

**NOOR AZLIN BINTI ABDUL AZIZ
2010143529
IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF
(PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF) KEPUJIAN – CT 226**

**SENI LAGAK NGERI: SATU KAJIAN TERHADAP PROSEDUR
KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI DALAM
PRODUKSI NUANSA SDN BHD DAN MIG PRODUCTION SDN BHD**

NOOR AZLIN BINTI ABDUL AZIZ

2010143529

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA (KEPUJIAN) PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
SESI SEPTEMBER 2013 - JANUARI 2014**

**FAKULTI FILEM, TEATER, DAN ANIMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SESI SEPTEMBER 2013 - JANUARI 2014**

DENGAN INI MENGESENHKAN

**PELAJAR: NOOR AZLIN BINTI ABDUL AZIZ
NO MATRIK: 2010143529**

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN
OLEH JAWATANKUASA KHAS YANG DILANTIK OLEH FAKULTI
FILEM, TEATER, DAN ANIMASI UiTM SHAH ALAM**

DAN TELAH MENERIMA HASIL KERJA INI PADA

.....
**DIHADAPAN PENYELIA
BEBBRA MAILIN**

.....
TANDATANGAN

**DEKAN
PROF. MADYA A.RAZAK MOHAIDEEN**

.....
TANDATANGAN

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali terdapat petikan pendapat-pendapat dan karya-karya yang setiap satunya telah saya maklumkan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga tidak pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

Nama Pelajar : Noor Azlin Binti Abdul Aziz

No. Matrik : 2010143529

Program : Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Pengurusan Industri Kreatif) Kepujian – CT 226

Tajuk Kajian : Seni Lagak Negeri: Satu Kajian Terhadap Prosedur Keselamatan dan Kesihatan di dalam Produksi Nuansa Sdn Bhd dan MIG Production Sdn Bhd

Tandatangan :

Tarikh :

ABSTRAK

Kajian ilmiah ini bertujuan untuk mengkaji prosedur keselamatan dan kesihatan bagi pelagak ngeri atau pelakon yang melakukan aksi lagak ngeri di dalam produksi Nuansa Sdn Bhd menerusi filem *Jiwa Taiko* (2012) dan MIG Production Sdn Bhd melalui filem *Jangan Pandang Belakang* (2007). Penulis juga akan meninjau semula kes-kes yang berhubungkait dengan lagak ngeri di dalam kedua-dua produksi ini. Dalam kajian ini, penulis akan menggunakan kerangka teori Domino oleh H. W. Heinrich iaitu teori kemalangan di tempat kerja untuk dikaitkan dengan insiden lagak ngeri yang berlaku ke atas kedua-dua produksi ini. Kajian ini menggunakan kaedah berbentuk kualitatif yang akan dibahagikan kepada dua sumber; iaitu sumber pertama dan sumber kedua. Bagi sumber pertama, penulis mendapatkan maklumat melalui hasil temubual terhadap beberapa pihak yang terlibat dalam kajian ini. Manakala, bagi sumber kedua, penulis mendapatkan maklumat melalui buku-buku, artikel-artikel dan internet. Hasil kajian ini memperlihatkan tiada prosedur keselamatan dan kesihatan pelagak ngeri diaplikasi dan diselaraskan di dalam produksi filem. Penjelasan daripada pelagak ngeri, pelakon yang melakonkan aksi lagak ngeri, pengarah filem, produser filem, agen insuran dan penyelaras lagak ngeri adalah penting kerana masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza antara satu sama lain. Kesimpulannya, selagi prosedur keselamatan dan kesihatan pelagak ngeri tidak diaplikasikan dan diselaraskan kepada produksi filem, maka kerjaya sebagai seorang pelagak ngeri tidak sedikit pun dipandang tinggi oleh masyarakat dan jauh sekali diiktiraf di dalam industri seni tanah air.